



MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

29 January 2016

MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Memandangkan tahap hutang kerajaan yang menghampiri 55% daripada KDNK, sektor swasta dan rakyat diperlukan untuk sama-sama memberangsangkan ekonomi.

Berikutan daripada itu, caruman wajib pekerja ke dalam tabung KWSP sebanyak 3% dikurangkan, dijangka menjana RM8 bilion dalam perbelanjaan penggunaan.

Tambahan itu, sebanyak RM5 bilion dijangka akan diperolehi daripada cairan baru di dalam sistem dengan penurunan Nisbah Keperluan Rizab Berkanun bank-bank tempatan daripada 4% kepada 3.5%.

Selain itu, terdapat tambahan RM350 juta daripada pelepasan cukai khas sebanyak RM2,000 yang akan memanfaatkan kira-kira 2 juta pembayar cukai individu yang mempunyai pendapatan bulanan RM8,000 dan ke bawah dalam tahun taksiran 2015.

Hasil sumbangan cukai daripada GST yang dijangka pada 2016 mungkin lebih daripada anggaran awal sebanyak RM39 bilion.

Langkah-langkah ini boleh membantu kehidupan isi rumah dengan menampung kos sara hidup yang semakin meningkat. Namun ia juga boleh mengakibatkan risiko peningkatan hutang isi rumah sekiranya pendapatan bolehguna ini tidak digunakan dengan prihatin.

Unjuran pertumbuhan KDNK telah disemak semula pada tahap 4% hingga 4.5% berbanding 4.5% hingga 5.5% sebelum ini, dengan meneruskan projek-projek pengganda tinggi seperti MRT dan LRT Lembah Klang, Lebuhraya Pan-Borneo, Vision Valley Malaysia, Cyber City Centre, RAPID Pengerang dan Rel Berkelajuan Tinggi (HSR) KL-Singapura demi memastikan pertumbuhan ekonomi negara terus ampuh secara keseluruhan.

Negara tidak mampu menghadapi sebarang ketirisan lagi dan perlu mengamalkan cara yang lebih tegas untuk memeriksa perbelanjaannya.

Tadbir urus awam adalah sama penting, jika tidak lebih penting daripada tadbir urus korporat, kerana fungsinya secara betul memberi impak kepada lebih ramai penduduk di negara ini.

Rita

KEMAS KINI MAKLUMAT PASARAN DAN KAWAL SELIA

PENGUBAHSUAIAN BAJET 2016

Berikut adalah antara lain, petikan daripada pengubahsuaian Bajet 2016:

- Malaysia tidak berada dalam keadaan kemelesetan atau kemelesetan teknikal; ringgit yang lemah tidak mencerminkan kedudukan sebenar Malaysia.
- Menurut PM, beliau yakin KDNK Malaysia akan berkembang pada tahap 5% pada tahun ini, dengan defisit fiskal pada 3.2%. Pengumuman akan dibuat pada bulan hadapan.
- Kejatuhan harga minyak memerlukan Bajet 2015 dikaji semula, kerana hasil minyak Malaysia turun kira-kira RM14bil.
- Pada tahun 1997-1998, Malaysia mengalami kemelesetan ekonomi yang menjejaskan pertumbuhan sebanyak -7.4 peratus. Ini membawa kepada pemberhentian pekerja dan kenaikan inflasi. Kelembapan ekonomi pada 2008-2009 pula disebabkan oleh krisis subprima AS dan peningkatan pesat harga minyak dunia yang mencecah USD130 setong.
- Langkah yang diambil telah dirangka selepas mengambil kira pandangan dan rundingan dengan pelbagai pihak.
- Pengubahsuaian Bajet 2016 adalah berdasarkan dua teras - memastikan pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan memelihara kebajikan rakyat, kata Najib.

Sebelas langkah pelarasan dan penyusunan semula yang akan diambil sebagai sebahagian daripada pengubahsuaian Bajet:

- Caruman KWSP oleh pekerja akan dipotong sebanyak 3% dari bulan Mac tahun ini sehingga Disember 2017. Walau bagaimanapun, kadar caruman oleh majikan tetap sama. Menurut Najib, pengurangan caruman ini akan meningkatkan perbelanjaan dengan anggaran RM8 bilion.
- Pengecualian cukai sebanyak RM2,000 bagi rakyat Malaysia yang berpendapatan RM8,000 ke bawah bagi tahun kewangan 2015, satu langkah yang akan memberi kesan kepada dua juta pembayar cukai.
- Berkuatkuasa serta merta untuk projek-projek perumahan baru, jualan semua rumah berharga sehingga RM300,000 adalah terhad kepada pembeli kali pertama sahaja.
- Pengenalan program MyBeras akan memberikan keluarga miskin tegar yang berdaftar menerima bantuan 20kg beras sebulan.
- FAMA akan membuka cawangan MyFarm yang akan menjual makanan pada harga 5 hingga 20 peratus lebih murah daripada harga pasaran.
- Bagi mengurangkan kos sara hidup, kerajaan akan meliberalisasikan AP bagi hasil pertanian termasuk kopi dan daging.
- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan diarah untuk meningkatkan penguatkuasaan dan tindakan terhadap peniaga yang tidak beretika.
- 30% daripada sumbangan kepada dana pembangunan sumber manusia akan digunakan untuk latihan kemahiran, termasuk untuk mereka yang menganggur.
- Kerajaan akan mengemas kini sistem pengurusan pekerja asing, dengan levi berkelompok kepada dua kategori, tidak termasuk pembantu rumah asing.
- Kerajaan akan melaksanakan perbelanjaan berhemah untuk bekalan dan perkhidmatan dan akan meneruskan rasionalisasi geran.

- Bajet pembangunan akan memberikan tumpuan kepada projek dan program yang mengutamakan rakyat, yang mempunyai kesan pengganda yang tinggi dan mengurangkan import.
- Institusi kewangan pembangunan dan dana modal teroka Kerajaan akan meningkatkan peruntukan sebanyak RM6 bilion untuk dimanfaatkan oleh syarikat-syarikat baru dan PKS.
- GLC disaran melaksanakan inisiatif untuk mengurangkan jurang pendapatan antara pengurusan kanan dan pekerja, yang akan dipantau oleh Unit Perancang Ekonomi.

KEPUTUSAN MAHKAMAH PERSEKUTUAN MEMIHAK KEPADA SC UNTUK MELINDUNGI KENYATAAN SAKSI

Pada 19 Januari 2016, Mahkamah Persekutuan, secara sebulat suara, memutuskan bahawa kenyataan yang direkodkan oleh pegawai siasatan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dalam penyiasatannya adalah dilindungi daripada pendedahan dalam prosiding sivil dan jenayah demi kepentingan awam.

Mahkamah Persekutuan yang menolak keputusan Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa seksyen 134(4) Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 perlu dibaca dengan peraturan keistimewaan dan dasar awam. Dalam keputusan bertulis yang dikeluarkan oleh Mahkamah Persekutuan, Hakim Negara Tan Sri Ahmad Haji Maarop memutuskan bahawa peraturan-peraturan keistimewaan dan dasar awam ini diguna pakai bagi prosiding sivil dan jenayah.

Menurut penghakiman, pendedahan dokumen dalam prosiding sivil boleh ditahan atas alasan pendedahan itu akan memudaratkan kepentingan awam. Ia juga memutuskan kenyataan yang diberikan oleh individu-individu kepada SC dianggap sebagai komunikasi yang dibuat kepada seseorang pegawai awam secara rahsia rasmi dan jika kenyataan saksi diperintahkan untuk didedahkan, saksi tidak akan memberi maklumat kepada SC pada masa hadapan dan ini akan menjejaskan keupayaan SC untuk menjalankan siasatannya ke atas kesalahan di bawah undang-undang sekuriti pada masa depan.

Keputusan itu dibuat susulan prosiding sivil yang dimulakan oleh SC di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada tahun 2010 terhadap Datuk Ishak Ismail atas dakwaan melanggar undang-undang sekuriti. Selepas saman awal difailkan, Datuk Ishak Ismail membuat permohonan kepada Mahkamah Tinggi bagi suatu perintah agar SC mendedahkan dokumen dan kenyataan saksi berkenaan dengan penyiasatan SC terhadapnya. Mahkamah Rayuan mengesahkan keputusan awal Mahkamah Tinggi memutuskan kenyataan yang dibuat oleh individu-individu kepada SC di bawah seksyen 134 Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 perlu didedahkan dalam prosiding sivil. SC kemudian mengemukakan rayuan kepada Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan tersebut.

[Sumber: Kenyataan akhbar di laman web SC pada 27 Januari 2016]

PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

FELDA GLOBAL VENTURE HOLDINGS BERHAD (“FGV”)

Seperti yang dilaporkan dalam media baru-baru ini, rundingan pengambilalihan PT Eagle High Plantations TBK dijangka akan dimuktamadkan pada Mac 2016. Syarikat sedang mencari model perniagaan baharu untuk pembelian yang disasarkan ini. Butiran lanjut akan diumumkan dalam masa terdekat.

KOMEN MSWG:

Kepentingan para pemegang saham FGV perlu diutamakan tanpa mengira cara pelaburan atau model perniagaan yang akan diterima pakai.

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, lyarahman@mswg.org.my
Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my
Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my
Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my
Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my
Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my
Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.